

## **AMALAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL DIREKTIF GURU BAHASA INDONESIA KETIKA MEMULAKAN PENGAJARAN**

*(Teachers' Interpersonal Communication Skill In Begin Teaching Process  
Of Indonesian Subject In Classroom)*

**SYOFIA ULFAH**

[eva\\_padang07@yahoo.com](mailto:eva_padang07@yahoo.com)

Institut Agama Islam Negeri  
Imam Bonjol, Padang, Sumatera

**ZAMRI MAHAMOD**

[d-zam@ukm.my](mailto:d-zam@ukm.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia

**JAMALUDDIN BADUSAH**

[drjamal08@gmail.com](mailto:drjamal08@gmail.com)

Universiti Kebangsaan Malaysia

**HAMIDAH YAMAT**

[hya@ukm.my](mailto:hya@ukm.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan mengkaji kemahiran komunikasi interpersonal guru (KKIG) ketika memulakan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) daripada aspek komunikasi direktif. Kajian kes ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan lima orang guru Bahasa Indonesia. Teknik pengutipan data yang digunakan, iaitu pemerhatian. Data dianalisis secara sistematik dengan menggunakan perisian N'VIVO versi 7.0. Dapatkan kajian menunjukkan apabila memulakan P&P, guru menggunakan komunikasi direktif perintah dan motivasi ketika mengajar di dalam bilik darjah. Komunikasi direktif ini banyak digunakan sebelum guru memulakan proses P&P. Keberkesanan penggunaan komunikasi interpersonal direktif ini menjadikan aktiviti P&P bahasa Indonesia lebih menarik dan menyeronokkan di awal sesi P&P.

**Kata kunci:** Komunikasi interpersonal, komunikasi direktif, pengajaran dan pembelajaran bahasa

**Abstract:** This study aims to know about Teachers' Interpersonal Communication Skill (TICS) in learning and teaching process of Indonesian subject in classroom, to identify the TICS in giving feedback to the students, and to recognize the teachers' perspectives on Interpersonal Communication Skill (ICS) in classrooms. It is a case study which applies a qualitative approach involving five teachers of Indonesian subject. Data are collected by methods of observation. The data are subsequently thematically analyzed by using N'VIVO 7.0 program. The outcomes show when the teachers begin to teach the class, the directive interpersonal communications applied are ordering and motivating the students.

**Keywords:** Interpersonal communication, directive communication, language teaching and learning

## PENGENALAN

Mohammed Sani (2002) serta Norzaini dan Mohammed Sani (2007) menyatakan bahawa tugas guru bukan hanya tertumpu sebagai tenaga pengajar dalam bidang akademik semata-mata. Sebaliknya, guru juga bertugas untuk memberi serta menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan. Mereka juga melaksanakan tugas sebagai penasihat, perunding, pendorong, pakar rujuk dan mengawasi disiplin. Walau bagaimanapun, tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna sekiranya guru mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan murid mereka. Abdull Sukor, Nuraini dan Mohd Isha (2003) menyatakan bahawa pusat atau kunci pengajaran terletak pada kemampuan berkomunikasi. Seseorang guru tidak dapat mengajar dengan efektif kalau dia tidak mempunyai kemampuan berkomunikasi dengan muridnya. Bahkan, guru juga tidak mampu menarik perhatian dan keinginan muridnya. Keterampilan komunikasi ini digunakan untuk memberikan rangsangan yang bervariasi, mengaju soalan dan sokon.

Kajian berkaitan komunikasi antara guru dengan murid di dalam bilik darjah penting kerana dalam sesuatu proses pengajaran, seseorang guru akan bercakap dua pertiga daripada keseluruhan waktu mengajarnya. Percakapan guru itu secara langsung mempengaruhi murid-murid seperti dalam menyampaikan, memberi arahan, dan mengkritik. Joyce, Weil dan Calhoun (2000) meletakkan tanggungjawab utama mencorakkan bilik darjah itu adalah pada tangan guru. Ki Hajar Dewantara (1980) mengakui bahawa guru yang efektif memiliki keunggulan dalam mengajar (fasilitator), dalam hubungan (hubungan dan komunikasi) dengan peserta didik dan anggota komuniti sekolah dan juga hubungan dan komunikasinya dengan pihak lain (orang tua, komuniti sekolah, dan juga hubungan dan komunikasinya dengan pihak berkaitan dari segi administrasi sebagai guru dan sikap profesionalnya. Muhammad Shatar (2006) menambahkan bahawa langkah pertama kecemerlangan pendidikan bermula dengan komunikasi berkesan. Dalam komunikasi yang berkesan ini terdapat ciri kesefahaman, ciri keseronokan, pengaruh terhadap sikap, memperbaiki hubungan, dan wujudnya tindakan susulan. Etika komunikasi mesti ada dalam komunikasi berkesan ini, iaitu sikap jujur, tidak menuduh, nilai bersama, gambaran tepat, berkata benar, mematuhi etika, selaras, tidak menganggu, sikap positif. Sedangkan tujuan komunikasi interpersonal (Hashim 2001) adalah untuk mencapai kehendak diri, mencari dunia luar, mewujudkan hubungan bermakna, mengubah sikap dan tingkah laku, dan melaksanakan sesuatu tugas.

Guru yang berkesan bukan sahaja perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi, bahkan juga kemahiran interpersonal. Hal ini kerana melalui kemahiran interpersonal para guru dapat menyampaikan ilmu pengetahuan dengan jelas, lancar dan mudah difahami oleh murid. Kajian mendapati faktor kecerdikan dan personaliti kurang penting berbanding kemahiran interpersonal yang sering digunakan oleh guru ketika menyampaikan pengajaran di dalam bilik darjah (Sachs 2003). Andersen dan Andersen (1987) membincangkan keberkesanan guru yang mempunyai komunikasi interpersonal yang berkesan. Antaranya ialah secara fizikal berkomunikasi dengan jarak dekat, menggunakan sentuhan yang sesuai, lebihkan senyum, menggunakan keupayaan kedudukan badan secara terbuka, menggunakan hubungan mata lebih baik dan lebih banyak interaksi kelas. Beliau menyarankan tingkah laku begini lebih memberi kesan yang lebih baik kepada kandungan kursus dan sekolah. Tambahan pula, murid-murid melaporkan mereka lebih banyak belajar daripada guru yang mengamalkan tingkah laku sebegini.

Penjelasan ini menjelaskan bahawa komunikasi interpersonal adalah suatu proses penyampaian mesej oleh seorang individu dan penerima mesej oleh individu dengan membaca suatu kesan dan peluang memperoleh maklum balas serta-merta. Komunikasi interpersonal yang berkesan memerlukan beberapa langkah. Antara langkah itu adalah melalui penggunaan 4M (Hashim 2001), iaitu mengetahui, memahami, menghargai, dan menghormati. Sedangkan tujuan utama komunikasi interpersonal adalah untuk mencapai kehendak diri, mencari dunia luar, mewujudkan hubungan bermakna, mengubah sikap dan tingkah laku, dan melaksanakan sesuatu tugas yang sememangnya perlu ada pada setiap guru Bahasa Indonesia.

## PERNYATAAN MASALAH

Kajian tentang P&P Bahasa Indonesia di dalam bilik darjah lebih banyak dihubungkaitkan dengan aspek penguasaan kurikulum, strategi mengajar guru, media pengajaran yang digunakan guru, seperti yang dilakukan Mursini (2002) dan Fauzan (2006). Kajian-kajian terdahulu tentang P&P bahasa juga lebih banyak mengkaji aspek murid (Darnis 2002; Farida 2002). Pada amnya, murid sering berada di posisi yang dipersalahkan apabila hasil pembelajaran mereka rendah. Kajian penyebab rendahnya hasil belajar murid belum banyak dihubungkaitkan dengan kemampuan guru apatah lagi daripada aspek kemampuan guru dalam menciptakan komunikasi yang mesra dengan muridnya. Dapatkan ini disokong oleh kajian yang dilakukan Be Kim Hoa Nio (1993) serta Hartono (1994) yang menemukan fenomena kurangnya motivasi murid untuk belajar Bahasa Indonesia pada amnya berpunca daripada kemampuan komunikasi pensyarah, manakala proses belajar mengajar yang cenderung berlaku satu hala. Di samping itu, juga ditemui bahawa di dalam perkuliahan ramai antara murid yang berasa ragu-ragu dan malu untuk mengeluarkan pendapat, bertanya, dan mengajukan pernyataan.

Kualiti kemampuan berkomunikasi guru daripada aspek makna bahasa pertuturan guru sudah dikaji oleh Kosadi (1997). Kebermaknaan ini dilihat daripada aspek komunikatif, logis, interaktif, transaksional, dan berkualiti. Kosadi menyimpulkan dalam kajianinya bahawa kemampuan berbahasa lisan guru belum mencapai sasaran atau sasaran kesepadan pertuturan yang berdaya komunikatif, masih ada salah faham informasi mesej yang disampaikan guru kepada murid, serta guru belum memanfaatkan fungsi bahasa secara transaksional. Kosadi juga mendapati bahawa guru kurang logik, mempunyai daya pemahaman yang tidak mendalam, banyak mempunyai kata yang bias, dan kualiti pertuturan guru yang masih banyak kekurangan yang berpunca daripada ketidalaman ilmu pengetahuan. Walaupun terdapat beberapa kajian tentang komunikasi lisan guru dan murid (Sukardi 2001; Jamal 2001; Sinaga 2001; Roslan 2002), tetapi kajian komunikasi jenis interpersonal belum ada dijalankan ketika proses P&P.

Manakala kajian guru yang dilakukan oleh Ab. Halim et al. (2004) melalui temu bual pelajar membuktikan terdapat beberapa aspek negatif yang masih wujud pada segelintir guru seperti sifat terlalu garang, suka memarahi murid tanpa usul periksa, suka menghina atau mengutuk murid, tidak memberi jawaban bila ditanya oleh murid dan ego dengan diri sendiri. Dalam kajian Shahril @ Charil (2002) pula mendapati bahawa sifat interpersonal guru berada dalam tahap sederhana sahaja. Semua kajian ini membuktikan bahawa personaliti guru masih belum mencapai tahap keperibadian guru yang cemerlang. Bahkan menurut kajian Ab. Halim et al. (2004), ada sebahagian guru tidak mampu menjadi contoh teladan, para murid tidak menganggap mereka sebagai contoh ikutan. Dapatkan ini disokong lagi dalam kajian Abdullah Sani (2005) yang menjelaskan bahawa personaliti guru merupakan salah satu penyebab kepada kelakuan yang tidak baik para murid.

Guru juga dikatakan sering melakukan kesilapan dalam mengendalikan tingkah laku murid. Menurut Barbetta, Norona dan Bicard (2003), pujian perlu diberikan untuk memenangi hati murid dan guru harus mengelakkan sindiran ketika menasihati murid yang bermasalah. Oleh yang demikian, persoalan mengenai proses mendidik remaja yang berkualiti bukanlah sesuatu yang mudah kerana pendidikan dalam konteks masa ini menuntut kebijaksanaan dan daya upaya yang dinamik bagi mencari formula untuk berhadapan dengan permasalahan dalam arus globalisasi ini (Puolimatka 2008). Lantaran itu, guru perlu membina dan menjaga hubungan yang baik dengan murid dan kemahiran komunikasi interpersonal amat diperlukan untuk mengatasi masalah tingkah laku dan disiplin pelajar terutama dalam kalangan murid remaja.

Kesimpulannya, berdasarkan permasalahan yang dibincangkan, diharap kajian ini dapat memberi input yang berguna kepada semua pihak terhadap kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal guru. Walaupun kajian mengenai kemahiran komunikasi dan kajian perlakuan pertuturan ketika berkomunikasi telah banyak dilakukan, namun fokus kajian terhadap komunikasi interpersonal dalam kaitannya dengan perlakuan pertuturan guru ketika P&P di dalam bilik darjah masih belum dilakukan. Oleh hal demikian, kajian yang berfokus kepada kemahiran komunikasi ini adalah penting berdasarkan permasalahan yang menjurus kepada kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal guru di dalam bilik darjah.

## **OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN**

Kajian tentang kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan guru Bahasa Indonesia di sekolah menengah pertama merupakan sesuatu yang baru dalam pendidikan di Indonesia. Oleh itu, satu kajian kes dengan menggunakan instrumen pemerhatian dibuat untuk mengenal pasti amalan kemahiran komunikasi interpersonal guru dalam proses P&P Bahasa Indonesia di dalam bilik darjah ketika memulakan proses P&P.

### **SOALAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif kajian yang dibincangkan, kajian ini cuba menjawab:

1. Bagaimakah amalan kemahiran komunikasi interpersonal ekspresif guru sebelum memulakan proses P&P Bahasa Indonesia di dalam bilik darjah?
2. Bagaimakah amalan kemahiran komunikasi interpersonal direktif guru sebelum memulakan proses P&P Bahasa Indonesia di dalam bilik darjah?
3. Apakah pola kemahiran komunikasi interpersonal ekspresif dan direktif yang ditemui dalam kajian ini?

### **METODOLOGI**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kes. Oleh kerana melibatkan lebih daripada satu buah sekolah maka lebih tepat lagi kajian ini disebut sebagai kajian pelbagai kes (*multiple case*) atau dikenali sebagai kajian pelbagai tempat lapangan (*multisite studies*). Kajian pelbagai kes menurut (Merriam 2001; Yin 1994) ialah kajian yang melibatkan pelbagai tempat lapangan kajian. Data yang dikumpul dan dianalisis diambil daripada pelbagai tempat lapangan. Menurut Merriam (2001), data seperti ini dapat meningkatkan lagi kesahan luaran atau generalisasi dapatan kajian.

#### **Penentuan dan Pemilihan Peserta Kajian**

Seramai lima orang guru bahasa Indonesia daripada tiga buah Sekolah Menengah Pertama (SMP) dipilih menjadi peserta kajian. Kesemua guru dicadangkan oleh Pengetua sekolah. Di sekolah pertama (LK1), pengetua memilih peserta kajian 1 (PK1) kerana beliau adalah seorang guru yang sudah mempunyai Sarjana Muda dalam bidang pendidikan Bahasa Indonesia. PK1 juga sudah berhasil mendapat sijil kelayakan dari Departemen Pendidikan Indonesia. Pada LK2, PK2, PK3 dan PK4 dipilih setelah berbincang dengan pengetua. PK2, PK3 dan PK4 dipilih dengan alasan peserta kajian dapat mewakili guru lain yang sama-sama mengajar bahasa Indonesia di LK2. Pengetua juga terlibat menetapkan peserta kajian pada LK3, iaitu PK5 dengan alasan PK6 adalah guru bahasa Indonesia yang telah lama mengajar. Pemilihan peserta kajian ini dianggap memenuhi kriteria seperti (i) peserta kajian ialah guru bahasa Indonesia yang sudah memiliki pengalaman yang luas dalam bidang pengajaran, (ii) mendapat persetujuan dan kesanggupan guru untuk menjadi peserta kajian, dan (iii) sokongan daripada pihak pentadbiran di sekolah berkenaan.

#### **Pemilihan Lokasi Kajian**

Kajian ini merupakan adalah kajian pelbagai kes (*multiple case*). Kajian ini melibatkan tiga buah Sekolah Menengah Pertama (SMP) yang dibina oleh pemerintah. Dua sekolah binaan departemen pendidikan awam, iaitu Sekolah Menengah Pertama Negeri 8 (SMPN) dan SMPN 2 serta sebuah sekolah binaan departemen (jabatan) agama, iaitu Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN). Ketiga-tiga sekolah ini berada di kota Padang. Sekolah berkenaan masing-masing dirujuk sebagai LK1, LK2, LK3. Pemilihan tempat

kajian adalah berdasarkan beberapa faktor yang menjadikan sekolah berkenaan sebagai tempat kajian yang istimewa.

### **Alat Kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis amalan komunikasi interpersonal dalam bilik darjah. Oleh itu, kaedah pemerhatian merupakan teknik utama yang digunakan dalam pengutipan data. Menurut pandangan Spradley (1997) dan Merriam (2001), pemerhatian dalam bilik darjah merupakan satu teknik terpenting bagi pengutipan data dalam kajian kes secara kualitatif. Teknik ini bukan sahaja dapat memberi peluang kepada pengkaji mengesan perkara-pekerja yang dianggap kelaziman pada mereka yang terlibat. Malahan melalui pemerhatian, pengkaji dapat melihat secara langsung tentang apa-apa yang peserta lakukan. Marohaini (1996) berpendapat bahawa pemerhatian membolehkan pengkaji meneroka perkara yang peserta kajian mungkin tidak mahu menyatakan ketika ditemu bual. Pengkaji juga memerhatikan dan merekodkan jadual mengajar peserta kajian, kegiatan ekstra kurikulum peserta kajian di sekolah serta tingkah laku murid turut diperhatikan.

Semasa menjalankan pemerhatian, pengkaji mengambil tempat di bahagian belakang kelas dan bertindak sebagai pemerhati sepenuhnya atau '*complete observer*' (Fraenkel dan Norman 1996). Dengan itu pengkaji dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sambil membuat catatan lapangan bagi merekodkan pernyataan dan arahan secara verbatim dan perlakuakn guru serta murid di dalam bilik darjah yang menjadi konteks kajian. Catatan pemerhatian ditulis bersebelahan catatan lapangan dengan memberikan kod. Dengan mengambil tempat di bahagian belakang kelas, ini bermakna peranan utama pengkaji pada masa ini adalah sebagai pemerhati dan pencatat (Schwart dan Jacobs 1979).

Dalam melaksanakan pemerhatian pengkaji senantiasa sensitif dan berwaspada untuk memastikan pemerhatian berlaku dengan sistematis dan adil. Sebagai contoh, pengkaji sekata memberikan tumpuan dan berusaha sepenuhnya untuk mengekalkan fokus pada semua peserta kajian. Pengkaji juga melakukan pemerhatian dalam tempoh yang sekata untuk semua peserta kajian agar keesahan data dan ketekalan dalam prosedur pelaksanaan kajian senantiasa terjamin. Kalau PKA diperhatikan selama 40 minit secara berterusan, maka peserta kajian lain diperhatikan dalam tempoh yang sama pula. Keseragaman pelaksanaan prosedur permerhatian amat penting untuk menjamin kualiti data kajian.

Pengkaji juga mencatatkan segala yang peserta kajian ucapkan, bahan dan alat yang peserta kajian gunakan dalam komunikasi interpersonal dengan murid di bilik darjah. Sepanjang proses tersebut pengkaji mengamalkan sikap teliti dan sensitif bagi mendapatkan data yang outentik karena gerak dan laku tertentu membawa makna yang unik dalam budaya tertentu, dan keadaan ini memungkinkan salah tafsir dalam konteks komunikasi interpersonal) antara budaya dan antara kumpulan sosial (Hall dan Hall 1992).

### **Membuat Ringkasan**

Selepas sesuatu pemerhatian dijalankan, rakaman video pengajaran dilihat kembali dan ditranskripkan. Ringkasan telah dibuat terhadap data pemerhatian. Ringkasan ini memusatkan sintesis data, perkara yang gagal diperoleh dan perkara yang perlu diberi perhatian seterusnya. Selain itu, catatan dibuat tentang maklumat asas seperti nama orang yang terlibat, tarikh dan tempat. Proses membuat ringkasan data pemerhatian tersebut memerlukan pengkaji membuat pembacaan berulang kali. Pada masa yang sama, pengkaji membuat kodifikasi bagi setiap maklumat yang berkaitan dengan soalan kajian. Bagi tujuan ini, perkataan dan frasa-frasa penting ditulis diruang analisis sebelah kanan catatan lapangan lengkap. Hal ini bagi memastikan data yang relevan dengan kajian sahaja diringkaskan. Dengan membuat ringkasan, semua isi utama data pemerhatian yang dikutip dapat dirumuskan. Rumusan ini disimpan dalam fail masing-masing untuk memudahkan pengkaji mendapatkan dan menggunakan bagi tujuan analisis pada peringkat seterusnya. Ringkasan pemerhatian disimpan dengan transkrip pemerhatian, catatan lapangan asal dan catatan lapangan lengkap dalam sebuah fail.

## Penganalisisan Data

Selepas pengutipan data selesai, pengkaji meneliti semula semua transkrip pemerhatian. Untuk memudahkan proses mencari dan mengenal pasti data, Maykut dan Morehouse (1994) mencadangkan setiap data dilabelkan seperti tarikh perolehan data dan punca data pada setiap muka surat data yang terbentuk ayat dan perkataan seperti transkripsi perlakuan pertuturan. Ringkasan data disediakan dengan melakukan pengkategorian dan pengokadan. Bagi memudahkan pengkategorian data, pengkaji membaca berulang kali dan membuat pengasingan dengan mencari unit-unit makna dalam perkataan, frasa, ayat, cara pemikiran peserta kajian, corak tingkah laku dan peristiwa-peristiwa yang dapat dikesan.

Pengkaji membentuk kategori-kategori maklumat dan menentukan kod bagi setiap kategori. Kod merujuk kepada satu unit perkataan atau istilah yang mempunyai makna tertentu bagi mewakili sesuatu ayat atau perkataan yang berhubungan dengan kejadian yang dapat difahami. Kod-kod yang dibentuk dihimpunkan mengikut kategori yang bersesuaian. Menurut Weirsma (1995), proses menghimpunkan kod mengikut kategori tertentu boleh diumpamakan seperti membuat susunan ke atas himpunan barang yang bersempah atau berselerak. Kategori yang telah dibentuk boleh digabung atau dilihat perhubungannya sehingga menjadi satu kategori utama dikenali sebagai tema. Penganalisisan data bahagian kajian ini dilakukan dengan secara manual dengan berpandukan N'VIVO versi 7.0.

## DAPATAN KAJIAN

### Kemahiran Komunikasi Interpersonal Direktif Guru Semasa Memulakan Pengajaran dan Pembelajaran

Amalan KKIG di dalam bilik darjah menunjukkan penggunaan KKI direktif kepada murid. Peserta kajian menggunakan KKI direktif apabila menghendaki murid melakukan sesuatu sesuai dengan maksud peserta kajian. Dapatan kajian ditemukan dua pola KKIG direktif yang digunakan peserta kajian apabila hendak memulakan pengajaran iaitu pola KKIG perintah dan pola KKIG motivasi. Peserta kajian menggunakan KKIG direktif perintah dan motivasi di dalam bilik darjah berhubungkait dengan tingkah laku murid dan aktiviti belajar di dalam bilik darjah.

#### ***KKIG Direktif Perintah***

Apabila memulakan proses P&P, bentuk KKIG direktif perintah digunakan PK memberikan perintah berhubung kait dengan sikap murid ketika melaksanakan disiplin sekolah dan perintah berhubung kait dengan penguasaan bahan pelajaran. Wujud dua pola KKIG direktif perintah yang digunakan peserta kajian apabila memulakan P&P di dalam bilik darjah, iaitu (a) Peserta kajian memberikan perintah sambil mendesak murid melakukan perintah peserta kajian dan (b) Peserta kajian memberikan perintah dengan menyebutkan imbalan yang akan diterima murid. KKIG direktif perintah yang dilakukan peserta kajian dapat dipaparkan dalam pemerhatian yang dijalankan pengkaji.

#### **(a) Perintah-(mendesak)**

*“Tolong bajunya dirapikan ya.... Cepat! Cepat!”*

Dapatan pemerhatian ini disokong oleh data temu bual yang dilakukan terhadap guru. Daripada temu bual yang dilakukan PK1 memberitahu bahawa kadangkala ia memberikan perintah yang berhubungkait dengan disiplin murid, misalnya disiplin berpakaian. PK5 mengakui ia memang seorang guru yang sangat peduli dengan tingkah laku murid yang berhubung kait dengan disiplin kerana ia sedar itu tugasnya sebagai seorang guru. Ini dapat dibuktikan dalam petikan temu bual berikut:

*“Saya memang sangat peduli dengan disiplin yang mesti dilaksanakan murid. Saya mesti pastikan murid patuh dengan aturan yang sudah ada di sekolah ini. Jadi mula berjumpa dengan murid di awal P&P saya mesti pastikan murid sudah melaksanakan aturan sekolah. Contohnya, aturan berpakaian yang kemas, berpakaian seragam yang lengkap dan lain-lain...” PK5/LK3/TB*

**(b) Perintah-(beri imbalan)**

*“Coba kamu buat sekarang. Berapa siap bapak nilai. Jadi untuk hari kamis, hari akhir. Yang sekarang masih bisa diperbaiki. Ada dibaca tamatkan” KI7/PK1/LK1/P*

**KKIG Direktif Memotivasi**

KKIG direktif motivasi ini wujud apabila peserta kajian memberikan dorongan dan rangsangan kepada murid untuk tetap optimis dalam belajar. Peserta kajian memotivasi murid selalu berusaha belajar dan memperbaiki diri dengan selalu optimis mengerjakan tugas yang diberikan guru dan tetap semangat belajar. Dalam kajian ini ditemui dua pola KKIG direktif motivasi yang digunakan peserta kajian iaitu (a) Peserta kajian memberikan motivasi kepada murid dengan diiringi pemberian imbalan (b) Peserta kajian memotivasi murid dengan memberi penegasan. Perkara ini dipaparkan melalui pemerhatian yang dijalankan pengkaji berikut ini.

**(a) Motivasi-(beri imbalan)**

*“Membawa buku saja kalian, bapak beri nilai. Buat pendapat dan bawa buku 95 ke atas”. KI8/PK1/LK1/P*

*“Sekali lagi bapak ingatkan. Apapun yang kamu buat, apakah catatan atau ulasan mengenai buku itu, akan bapak beri nilai. Yang penting kamu buat walaupun masih acak-acakan”. KI9/PK1/LK1/P*

**(b) Motivasi-(menegaskan)**

*Guru: “Ini adalah sisa-sisa tenaga. Mau kamu dikatakan ini sisa-sisa tenaga?*

*Murid: (Murid hanya tersenyum)*

*Guru: Ndaklah ya.... Kita harus semangat 45. Iya kan?” KI11/PK2/LK2/P*

Selain pemerhatian, data temu bual dengan peserta kajian dan murid juga digunakan untuk menyokong data di atas. Melalui temu bual yang dijalankan, PK1 dan PK2 memberitahu bahawa mereka menggunakan KKIG direktif motivasi ketika P&P di dalam bilik darjah. Motivasi yang diberikan peserta kajian ketika memulai pengajaran mempunyai ciri khas iaitu motivasi yang ikuti pemberian ganjaran kepada murid. Bentuk ganjaran yang diberikan berupa nilai dan kata-kata semangat. Ini dapat dibuktikan dalam petikan temu bual berikut:


*“Kita dituntut paham dengan keadaan murid apabila mereka belajar dengan kita di bilik darjah. Mana murid yang letih....tidak mood belajar...murid yang ribut dan sebagainya. Dalam keadaan seperti itu guru mesti banyak-banyak memberikan kata-kata semangat kepada murid” PK2/LK2/TB*

*“Motivasi mesti sering diberikan kepada murid....dalam situasi pun. Perkataan motivasi yang diberikan guru kepada murid akan mempengaruhi semangat mereka untuk terus berusaha mendapatkan hasil yang terbaik” PK1/LK1/TB*

Rumusannya, KKIG Bahasa Indonesia direktif apabila memulakan P&P menghasilkan dua bentuk iaitu, iaitu bentuk perintah dan motivasi. Setiap bentuk menghasilkan pola KKIG yang berbeza sama ada KKIG direktif perintah dan motivasi. Pola KKIG direktif perintah mempunyai dua tujuan iaitu membentuk sikap murid dan membantu murid menguasai bahan pelajaran. Manakala KKIG direktif motivasi yang digunakan PK hanya bertujuan untuk membentuk sikap belajar murid iaitu sikap optimis dan sikap tetap semangat belajar. Perbezaan pola KKIG direktif ini dirumuskan Jadual 1 dan Rajah 1.

Jadual 1: KKIG Direktif Memulakan P&P

<b>Bil</b>	<b>Pola</b>	<b>Pemerhatian</b>				
		<b>PK1</b>	<b>PK2</b>	<b>PK3</b>	<b>PK4</b>	<b>PK5</b>
<b>Direktif Perintah</b>						
1	Perintah-(mendesak)	-	-	-	-	x
2	Perintah-(beri imbalan)	x	-	-	-	-
<b>Direktif Motivasi</b>						
1	Motivasi-(beri imbalan)	x	-	-	-	-
2	Motivasi-(menegaskan)		x	-	-	-



Rajah 1. Pola KKIG Bahasa Indonesia Semasa Memulakan P&P

## PERBINCANGAN

### **Kemahiran Komunikasi Interpersonal Direktif ketika Guru Memulakan Pengajaran dan pembelajaran**

Apabila memulakan P&P guru menggunakan KKIG bentuk direktif perintah dan memotivasi di dalam bilik darjah. KKIG direktif perintah wujud dua pola iaitu pola perintah+desak, perintah+imbalan+perintah. Tujuan KKIG direktif perintah wujud dua iaitu penerapan sikap disiplin berpakaian dan penguasaan materi (bahan). KKIG direktif memotivasi wujud tiga pola iaitu motivasi+imbalan, motivasi+imbalan+motivasi, motivasi+penegasan. Tujuan KKIG direktif wujud dua iaitu penerapan sikap (mahu berusaha) dan pembentukan sikap (semangat belajar).

Perlakuan pertuturan dalam bentuk direktif terlihat apabila guru memberi perintah dan memotivasi murid. Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian Syahrul (2008) dan Zamsami (2007). Perintah guru bertujuan supaya murid melakukan yang disuruh guru. Dapatkan menunjukkan guru memulai P&P dengan langsung memberi perintah supaya murid memperbaiki uniformnya dan perintah supaya murid membuat tugas yang mesti dikerjakan dan diselesaikan hari itu. Perlakuan pertuturan direktif guru supaya murid mengerjakan tugas ini tidak salah kerana guru tidak memaksa murid mesti menyerahkan hari itu bahkan guru memberikan imbalan berupa nilai bagaimanapun hasil tugas murid. Sikap guru terbuka menyatakan batas akhir penyerahan tugas tetapi fleksibel dalam hal memerintah murid. Sikap guru yang tidak penuh paksaan ini akan mewujudkan rasa selesa dan tidak tertekan dalam diri murid. Murid akan berusaha dengan kesedaran sendiri menyelesaikan tugas yang diberikan guru. Sememangnya keinginan yang datang dari dalam diri seseorang lebih berhasil daripada keinginan berusaha atas paksaan orang lain. Gardner (2001) memberikan istilah perilaku murid ini dengan motivasi intrinsik iaitu motivasi yang terlahir daripada keinginan yang datang dari dalam diri seseorang tanpa dorongan orang lain.

Perlakuan pertuturan direktif kedua yang digunakan guru apabila memulakan P&P ialah perlakuan pertuturan direktif motivasi. Perlakuan pertuturan direktif motivasi diberikan guru dengan diikuti imbalan (ganjaran) untuk murid. Imbalan yang diberikan tersebut bukan sahaja berbentuk nilai/markah tetapi juga dalam bentuk perkataan semangat dan perkataan positif. Ini selaras dengan pendapat Abdullah dan Ainon (2005) yang menyatakan adanya perkaitan yang kuat antara kejayaan yang dicapai oleh seseorang itu dengan ciri-ciri pada gaya bahasa yang mereka gunakan apabila mereka bercakap-cakap dan berbual-bual. Orang-orang yang berjaya, apabila mereka bercakap-cakap dan berbual-bual mereka menggunakan gaya bahasa positif. Perkataan yang positif tentu terdapat dalam bahasa yang positif iaitu gaya bahasa yang sangat digemari orang. Guru memotivasi murid supaya mau berusaha mengerjakan tugas yang diberikan guru dengan hasil terbaik. Bahkan motivasi yang diberikan dikuatkan oleh guru dengan imbalan iaitu imbalan nilai. Sikap guru menggunakan perlakuan pertuturan motivasi kepada murid pada fasa memulakan P&P sudah tepat kerana guru sudah menciptakan kesiapan mental dan boleh berhasil menarik perhatian murid (Mulyana 2009; Gardner 2001).

Motivasi yang diberikan guru sangat penting dan diperlukan oleh murid. Ini selaras dengan pendapat Abd. Rahim (1999) dan Awang (2000) yang menjelaskan tujuh peranan guru dalam kemahiran komunikasi interpersonal di antaranya guru sebagai motivator. Bagi pencapaian pelajaran murid-murid, guru memerlukan kemahiran komunikasi interpersonal yang baik. Penggunaan bahasa yang lembut, mengambil contoh-contoh orang yang berjaya dan menggunakan kata-kata dan pepatah bijaksana adalah salah satu cara memberi dorongan. Yaakub (1996) menambah lagi, terdapat kaitan yang rapat antara guru yang efektif dan P&P yang efektif dalam usaha mewujudkan pendidikan yang berkualiti, dan antaranya adalah suka memuji dan menggalakkan para murid.

Akhirnya, iklim dan kualiti komunikasi bilik darjah sangat ditentukan oleh peranan guru Abdullah dan Ainon (2005) serta Muhammad Shatar (2006). Gurulah yang memulakan dan menentukan P&P berkesan dan bermutu. Apabila guru gagal membina komunikasi yang mesra dengan muridnya, maka guru akan sukar melakukan pendekatan edukatif pada murid Syaiful (2000), Abdullah dan Ainon (2005). DePorter (2005) menyatakan guru mesti mencuba mewujudkan sebuah hubungan yang berkonsep

*mengawali/memulai.* DePorter (2005) berpendapat perubahan pendidikan mestilah bermula daripada guru itu sendiri. Guru mesti melakukan perbaikan dan perubahan yang dimulai daripada dirinya sendiri.

## KESIMPULAN

Kemahiran komunikasi interpersonal sewajarnya dikuasai setiap guru bahasa. Di dalam kelas kepelbagaian murid, sudah tentu setiap murid mempunyai kemampuan berkomunikasi yang berbeza-beza. Justeru, setiap guru bahasa perlu mengenal pasti kelebihan dan kekurangan yang ada pada setiap muridnya ketika berkomunikasi di dalam bilik darjah. Dengan cara ini, guru bahasa dapat merancang aktiviti berkomunikasi yang berpusatkan murid dengan lebih baik dan tersusun. Dalam mencapai hasrat ini, guru bahasa perlu memastikan kaedah terbaik bagaimana hendak menggalakkan murid-muridnya berkomunikasi efektif dengannya. Komunikasi direktif dan ekspresif merupakan antara kaedah untuk mewujudkan hubungan yang baik antara guru dan murid ketika berkomunikasi di dalam bilik darjah. Kesimpulannya, komunikasi interpersonal direktif dan ekspresif antara kaedah terbaik bagaimana untuk mewujudkan komunikasi yang mesra dan baik antara guru dan murid di dalam kelas bahasa.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2006. *Guru sebagai pendorong di dalam bilik darjah.* Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2005. *Kemahiran interpersonal untuk guru.* Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff & Mohd Isha Awang. 2003. *Bahasa Melayu komunikasi.* Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin dan Zamri Abdul Rahim. 2004. Kebersamaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penelitian, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 1999. *Profesionalisme motivasi pengurusan bilik darjah.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Barbetta, P.M., Norona, K.L. & Bicard, D.F. 2005. Classroom-behavior management: A dozen coomon mistakes and what to do instead. *Preventing School Failure*, 49 (3): 11-19.
- Cazden, C. 1988. *Classroom discourse: The language of teaching and learning.* Portsmouth, NH: Heinemann.
- Delamont, S. 1992. *Fieldwork in educational setting-method: Pitfalls and perspectives.* London: The Falmer Press.
- DePotter, Bobbi. 2005. *Quantum teaching.* Ary Nilandari (Terj.). Bandung: PT Kaifa.
- DeVito, J.A. 2003. *The Interpersonal Communication Book.* 11<sup>th</sup> Edition. Boston: Allyn & Bacon.
- Farida S. 2002. Pengaruh komunikasi instruksional terhadap sikap siswa dalam bidang Studi IPS. *Buletin Pembelajaran.* No. 3, Thn 25.September. Universitas Negeri Padang, Sumatera.
- Fraenkel, J.R. & Norman, E.W. 1996. *How to design and evaluate research in education.* 3<sup>rd</sup> Edition. New York: Mc Green-Hill Inc.
- Gardner, E. 2001. *Language learning motivation: The student, the teacher, and the researcher.* Ontario: University of Ontario Press.
- Hall, E. & Hall, C. 1992. *Human relation in education.* London: Routledge.
- Hashim Fauzy Yaacob. 2001. *Komunikasi antara manusia.* Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Endang, Herawati. 2006. Tutur pujian bahasa Indonesia antara guru dan siswa Kelas Unggulan di SMP Negeri 1 Madiun. *Tesis Pascasarjana.* Universitas Negeri Malang, Malang.
- Jakobs, E. 1988. Clarifying qualitative research: A focus on traditions. *Educational Researcher*, 17 (1): 16-24.

- Joyce, B., Weil, M. & Calhoun E. 2000. *Models of teaching*. Boston: Allyn & Bacon.
- Kosadi Hidayat S. 1997. Kebermaknaan bahasa tutur guru dan siswa dalam proses belajar mengajar di sekolah dasar (Studi semantik penggunaan bahasa tutur dalam proses belajar mengajar). *Disertasi Pascasarjana*. Institut Keguruan Ilmu Pendidikan Bandung.
- Leech, G. N. 1983. *Principles of pragmatics*. London: Longman.
- Marohaini Yusoff.1996. Perlakuan dan proses mengarang pelajar Melayu di dalam bilik darjah tingkatan empat: Satu kajian kes. *Tesis Doktor Falsafah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Merriam, S.B. 2001. *Validity and reliability in a qualitative research. Keynote address for. Qualitative Research Convention*, Oktober 2001: Navigating Challenges, Kuala Lumpur.
- Merriam, S.B.1994. *Case study research in education: A qualitative approach*. 3<sup>rd</sup> Edition. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohammed Sani Ibrahim. 2002. *Pemupukan nilai guru cemerlang*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moh. Roqib dan Nurfuadi. 2009. *Kepribadian guru, upaya mengembangkan kepribadian guru yang sehat di masa depan*. Yogyakarta: STAIN Purwokerto Press.
- Mulyasa. 2009. *Implemetasi kurikulum tingkat satuan pendidikan, kemandirian guru dan kepala sekolah*. Jakarta: PT. Bumi Aksara
- Mulyana, Deddy. 2002. *Ilmu interaksi komunikasi: Suatu pengantar*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Mursini. 2002. *Peranan simulasi kreatif dalam peningkatan kemampuan berbahasa indonesia murid sekolah dasar: Suatu studi eksperimen*. Lembaga Penelitian Universitas Negeri Medan, Sumatera.
- Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim. 2007. *Profesion perguruan*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Puolimatka, Tapio. 2008. Max Scheler and the idea of a well rounded education. *Educational Philosophy and Theory*, 40 (3): 362-382
- Roselan Bak. 2001. Interaksi lisan dalam Pengajaran penulisan bahasa Melayu daripada perspektif guru. *Tesis Doktor Falsafah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sachs, J. 2003. Teacher professional standards: Controlling or developing teaching? *Journal of Teachers and Teaching: Theory and Practice*, 9 (2): 175-185.
- Searle, J.R. 1985. *Speech acts: An essay in the philosophy of language*. 10<sup>th</sup> Edition. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shahril @ Chairil Marzuki. 2002. Ciri-ciri guru yang unggul: satu kajian kes di beberapa buah sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Pendidikan* jil. 22, 2002,97-110
- Syahrul R. 2008. *Pragmatik Kesantunan Berbahasa, Menyibak Fenomena Berbahasa Indonesia Guru dan Siswa*. Padang: UNP Press
- Syiful Djamarah Bahri. 2000. *Guru dan anak didik dalam interaksi edukatif*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Taufik, Taufina. 2006. Komunikasi verbal dan unsur nonverbalnya dalam interaksi guru-siswa di kelas I Sekolah Dasar Kartika 1-10 Padang. *Disertasi Pascasarjana*. Universitas Negeri Malang, Malang.
- Wiersma, W. 2000. *Research methods in education: An introduction*. Boston: Allyn & Bacon.
- Wolcott, H. F. 1990. *Writing up qualitative research*. Newbury, CA: Sage Publication.
- Yin, R.K. 1994. *Case study researsch: Design and methods*. 2<sup>nd</sup> Edition. Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohammed Sani Ibrahim. 2008. *Profesionalisme guru novis: Model latihan*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamzami. 2007. *Kajian sosiopragmatik*. Yogyakarta: Pustaka Cipta.